

Bil. S 23

PEMASYHURAN
MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA
(PINDAAN), 2021

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

Ucapan doa

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 2 dari Perlembagaan II
3. Pindaan bab 3
4. Pindaan bab 4
5. Pemansukhan bab 5
6. Penggantian bab 6
7. Pindaan bab 7
8. Pindaan bab 8
9. Penggantian bab 12
10. Pindaan bab 13
11. Pindaan bab 14
12. Pindaan bab 17
13. Pindaan bab 25
14. Pindaan bab 29
15. Penggantian Jadual

Pengesahan

Ucapan doa



**PEMASYHURAN
MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959**

**PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA
(PINDAAN), 2021**

*Bismillahir Rahmannir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.*



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT SERI UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA LAILA JASA KEBERANIAN GEMILANG YANG AMAT CEMERLANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA KEBERANIAN LAILA TERBILANG YANG AMAT GEMILANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PERWIRA AGONG NEGARA BRUNEI YANG

AMAT SETIA, HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE BATH (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), HONORARY COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (MALAYSIA), COLLAR OF THE SUPREME ORDER OF THE CHRYSANTHEMUM (JEPUN), THE ORDER OF AL-HUSSEIN BIN ALI (JORDAN), THE CIVIL ORDER OF OMAN, FIRST CLASS (KESULTANAN OMAN), AL-KHALIFIA (BAHRAIN), QUISSAM EL MOHAMMDI GRAND COLLIER (MOROCCO), THE MOST AUSPICIOUS ORDER OF THE RAJAMITRABHORN (THAILAND), THE GREAT COLLAR OF BADR (ARAB SAUDI), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN), KNIGHT GRAND CROSS OF THE NETHERLANDS (NETHERLANDS), QILADAT AL-MUBARAK AL-KABIR – COLLAR OF MUBARAK THE GREAT (KUWAIT), GRAND ORDER OF MUGUNGHWA (REPUBLIK KOREA), BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADIPURNA (REPUBLIK INDONESIA), COLLAR OF THE NILE (REPUBLIK ARAB MESIR), THE ORDER OF LAKANDULA WITH THE RANK OF GRAND COLLAR SUPREMO (REPUBLIK FILIPINA), THE ANCIENT ORDER OF SIKATUNA RANK OF RAJAH (REPUBLIK FILIPINA), THE ORDER OF TEMASEK, FIRST CLASS (REPUBLIK SINGAPURA), NISHAN-E-PAKISTAN (REPUBLIK ISLAM PAKISTAN), GRAND CROIX LEGION D'HONNEUR (REPUBLIK PERANCIS), GRAND CROSS SPECIAL CLASS OF THE ORDER OF MERIT (REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN), THE ORDER OF MERIT, FIRST CLASS (UKRAINE), THE ORDER OF PRINCE YAROSLAV THE WISE, FIRST CLASS (UKRAINE), PHOXAY LANE XANG (REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAOS), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (JOHOR), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT SRI INDERA MAHKOTA PAHANG YANG AMAT DIHORMATI (PAHANG), DARJAH KERABAT SELANGOR YANG UTAMA (SELANGOR), DARJAH KERABAT BAGINDA SYED PUTRA (PERLIS), DARJAH KERABAT DI-RAJA YANG AMAT DIHORMATI (PERAK), DARJAH UTAMA KERABAT DI-RAJA TERENGGANU YANG AMAT DIHORMATI (TERENGGANU), DARJAH KERABAT YANG AMAT MULIA (KEDAH), DARJAH UTAMA BINTANG SARAWAK (SARAWAK), SERI PANGLIMA DARJAH KINABALU (SABAH), DARJAH KEPAPHLAWANAN ANGKATAN TENTERA – PANGLIMA GAGAH ANGKATAN TENTERA (MALAYSIA), DARJAH UTAMA BAKTI CEMERLANG (TENTERA) (REPUBLIK SINGAPURA), THE PHILIPPINES LEGION OF HONOUR (DEGREE OF CHIEF COMMANDER) (REPUBLIK FILIPINA), THE CROSS OF HONOUR FOR FAITH AND FAITHFULNESS TO THE STATE (UKRAINE), Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA pada 26 haribulan Rabiulawal Hijrah Nabi Sallallahu 'Alaihi Wassalam Seribu tiga ratus tujuh puluh sembilan bersamaan dengan hitungan Masihi 29 haribulan September, Seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, BETA telah

memasyhurkan Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 (selepas ini disebut sebagai Pemasyhuran utama);

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan di bawah bab 31 dari Pemasyhuran utama bahawa BETA boleh meminda Pemasyhuran utama;

DAN BAHAWASANYA BETA telah memikirkan adalah mustahak supaya peruntukan-peruntukan tertentu dalam Pemasyhuran utama dipinda dalam berbagai hal;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA BETA pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA oleh bab 31 dari Pemasyhuran utama DENGAN INI MEMASYHURKAN dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi pihak PENGGANTI-PENGGANTI BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Pemasyhuran ini boleh digelar sebagai Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2021 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Pemasyhuran ini dibuat.

Pindaan bab 2 dari Perlembagaan II

2. Bab 2 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” takrifan baru yang berikut —

“ “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”, tertakluk kepada bab 3, bermakna orang yang mempunyai hak yang paling layak untuk menaiki takhta, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mangkat dengan serta-merta, tetapi haknya itu boleh terhapus jika zahir seorang yang mempunyai hak yang lebih layak lagi:”;

(b) dalam takrifan “Pengiran Muda Mahkota”, dengan memotong “Pengiran Muda Mahkota” dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota”;

(c) dengan memotong takrifan “Pengiran Muda”;

(d) dengan memotong takrifan “immediate ancestor”;

(e) dengan memasukkan sejurus sebelum takrifan “Tribunal Tafsiran” takrifan baru yang berikut —

“ “Tempoh Sementara” bermakna tempoh antara masa pengesahan di bawah cerai (1) bab 12 oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang

sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara dan masa perisytiharan atau keputusan di bawah ceraiian (1) bab 12 bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula tugas-tugas Negara;”;

(f) dengan memotong takrifan “ “Sultan” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” ” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Sultan” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kira sama ada suatu perisytiharan telah dibuat dan disahkan di bawah bab 12 bahawa oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan Baginda tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara tetapi tidak termasuk Pengganti Baginda yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh ceraiian-ceraiian (2), (3) dan (4) bab 3, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja atau Timbalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;”.

Pindaan bab 3

3. Bab 3 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraiian (4) —

(a) dalam perenggan (a) —

- (i) dengan memotong “pertamanya” dari baris pertama;
- (ii) dalam perenggan kecil (i), dengan memotong “Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”;
- (iii) dalam perenggan kecil (ii), dengan memotong “Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”;
- (iv) dalam perenggan kecil (iii), dengan memotong “Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”;
- (v) dalam perenggan kecil (iv), dengan memotong “Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda” dari baris kedua dan ketiga dan

menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”;

(b) dengan memotong perenggan (b);

(c) dengan memotong perenggan (c).

Pindaan bab 4

4. Bab 4 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memotong ceraian (1) dan menggantikannya dengan cerian baru yang berikut —

“(1) Seseorang itu tidak boleh dianggap sebagai Waris yang sah atau Pengganti yang sah kalau dia tidak menganut Ugama Islam dan kalau dia bukan lelaki keturunan yang sah dari sebelah lelaki yang terdiri daripada orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam.”.

Pemansukhan bab 5

5. Bab 5 dari Pemasyhuran utama adalah dimansukhkan.

Penggantian bab 6

6. Bab 6 dari Pemasyhuran utama adalah dimansukhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja

6. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Brunei.

(2) Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah terdiri daripada —

(a) Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang berbangsa Melayu yang beragama Islam, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memutuskan sebaliknya, sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) mana-mana orang yang memegang gelaran Cheteria atau mana-mana Pehin Manteri yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(c) Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, iaitu Mufti Kerajaan dan Ketua Hakim Syar’ie;

(d) mana-mana Ahli Majlis Ugama Islam yang berbangsa Melayu yang beragama Islam dan mempunyai kepakaran dalam Hukum Syara' yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(e) orang-orang yang berbangsa Melayu yang beragama Islam yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam tidak boleh menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

(4) Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah memegang jawatannya selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(5) Melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memutuskan sebaliknya, lantikan Yang Di-Pertua hendaklah terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang dilantik di bawah cerai (2)(b) dan lantikan Naib Yang Di-Pertua hendaklah terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang mempunyai kepakaran dalam Hukum Syara' dan, sekiranya Yang Di-Pertua tidak hadir atau tidak dapat atau tidak mahu menjalankan tugasnya, maka Naib Yang Di-Pertua hendaklah menunaikan tugas Yang Di-Pertua di bawah Pemasyhuran ini atau pun selainnya.

(6) Jika, dalam Tempoh Sementara, tidak ada Yang Di-Pertua atau Naib Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja kerana sesuatu sebab, atau sekiranya Yang Di-Pertua atau Naib Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, mengikut mana yang berkenaan, tidak hadir atau tidak dapat atau tidak mahu menjalankan tugasnya, maka Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang paling kanan yang hadir hendaklah menjadi Yang Di-Pertua dan Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang kedua paling kanan yang hadir hendaklah menjadi Naib Yang Di-Pertua."

Pindaan bab 7

7. Bab 7 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong perenggan (b) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"(b) mesyuarat Majlis itu tidaklah sah melainkan ada separuh dari bilangan Ahli-Ahlinya hadir dan termasuk dalam Ahli-Ahli yang hadir itu adalah Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam yang mempunyai kepakaran dalam Hukum Syara' termasuk Mufti Kerajaan atau Ketua Hakim Syara'ie:"

Pindaan bab 8

8. Bab 8 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraiian (4), dengan memotong “Pengiran Muda” dari baris kelima dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”.

Penggantian bab 12

9. Bab 12 dari Pemasyhuran utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Menjalankan tugas-tugas Negara dalam Tempoh Sementara

12. (1) Jika sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengisytiharkan secara bertulis, dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang I dalam Jadual, kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja, dan pada masa yang sama kepada Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3, bahawa mereka berpuas hati dengan keterangan, yang termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas, 2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara, dan perisytiharan itu disahkan, dalam masa 30 hari, oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3, maka, sehingga sama ada —

(a) diisytiharkan secara bertulis, oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab ini dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang II dalam Jadual; atau

(b) diputuskan oleh mana-mana satu daripada yang berikut —

(i) Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

(ii) Pengganti yang sah, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja yang disebut dalam perenggan-perenggan (A) hingga (C) yang menjalankan tugas-tugas Negara di bawah bab ini,

bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula tugas-tugas Negara, maka tugas-tugas tersebut hendaklah dalam Tempoh Sementara dan tertakluk kepada ceraiian (3) dijalankan atas nama dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

- (A) oleh Pengganti Baginda yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh cerai-an-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3;
- (B) jika Pengganti yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh cerai-an-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3 berumur kurang dari 18 tahun, oleh, jika berkenaan, Pemangku Raja yang disebut dalam bab 11 atau, dalam hal keadaan yang dicadangkan oleh bab 11, oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja; dan
- (C) sekiranya Pengganti yang sah yang disenaraikan dalam, disebut atau dicadangkan oleh cerai-an-ceraian (2), (3) dan (4) bab 3 tiada, oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

(2) Jika suatu perisytiharan yang dibuat kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja di bawah cerai-an (1) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara tidak digantikan dalam tempoh 5 tahun dari pengesahannya oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai-an (2) bab 3 dengan perisytiharan atau keputusan di bawah cerai-an itu bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula tugas-tugas Negara, maka, mulai dari tamatnya tempoh 5 tahun itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah disifatkan bagi segala maksud seolah-olah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah turun takhta di bawah cerai-an (1) bab 19 dengan Surat Perintah Turun Takhta yang sah yang berkuat kuasa pada tamatnya tempoh 5 tahun itu.

(3) Pengganti yang sah, Pemangku Raja dan Jemaah Pemangku Raja yang disebut dalam cerai-an (1) hendaklah dalam Tempoh Sementara mempunyai semua kuasa dan kewajipan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan selain dari yang ditentukan dalam cerai-an ini. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis, Pengganti yang sah, Pemangku Raja dan Jemaah Pemangku Raja yang disebut dalam cerai-an (1), tidaklah mempunyai kuasa untuk —

(a) melantik atau mencadangkan untuk melantik mana-mana orang atau, menamatkan atau membatalkan lantikan itu atau berupa sebagai menamatkan atau membatalkan lantikan yang dibuat kepada orang-orang yang disebut dalam cerai-an (1);

(b) meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang, atau memperkenankan mana-mana Rang Undang-Undang untuk meminda, mengubah atau memansuhkan sebarang peruntukan Pemasyhuran ini

atau sebarang Aturan yang bertujuan untuk menyatakan prosedur di bawah atau melaksanakan atau menguatkuasakan Pemasyhuran ini;

(c) meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang, atau memperkenalkan mana-mana Rang Undang-Undang untuk meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang atau melakukan apa-apa jua yang dengan apa jua cara akan mengecilkan, membataskan, melemahkan, menjejaskan, memudaratkan, mengurangkan atau dengan apa jua cara menjejaskan atau akan mempunyai kesan mengecilkan, membataskan, melemahkan, menjejaskan, memudaratkan, mengurangkan atau dengan apa jua cara menjejaskan, hak-hak, kuasa-kuasa, hak kedaulatan dan keistimewaan-keistimewaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagaimana hak-hak, kuasa-kuasa, hak kedaulatan dan keistimewaan-keistimewaan itu ada sebelum bermulanya Tempoh Sementara;

(d) meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang, atau memperkenalkan mana-mana Rang Undang-Undang untuk meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang atau melakukan apa-apa jua yang dengan apa jua cara akan mencegah, menghalang, mengadang atau melambatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan daripada menjalankan semula tugas-tugas Negara Baginda;

(e) meminda, mengubah, memansuhkan atau mencadangkan undang-undang, atau memperkenalkan mana-mana Rang Undang-Undang untuk meminda, mengubah atau memansuhkan takrifan “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” atau “Sultan” di bawah Perlembagaan atau Pemasyhuran ini;

(f) membuat atau menamatkan mana-mana lantikan dalam Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja di bawah bab 6 kecuali untuk menggantikan mana-mana ahli yang telah meninggal dunia dalam Tempoh Sementara;

(g) menjalankan hak-hak dan tugas-tugas di bawah Fasal (1A) Perkara 6 dari Perlembagaan.

(4) Ceraian (1) hendaklah dikenakan kepada Pemangku Raja yang disebut dalam ceraian (1)(B).

(5) Berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan pada menjalankan tugas-tugas Negara oleh mana-mana orang yang disebut dalam ceraian (1)(A), (B) dan (C), Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan jika ceraian (3) telah dipatuhi berkenaan dengan perbuatan itu. Jika Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja memutuskan bahawa ceraian (3) belum dipatuhi, keputusan tersebut hendaklah menjadikan perbuatan berkaitan yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan pada menjalankan tugas-tugas Negara

oleh mana-mana orang yang disebut dalam ceraiian (1)(A), (B) dan (C) batal dan tidak berkuat kuasa.

(6) Notis lantikan orang-orang yang disebut dalam ceraiian (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.”.

Pindaan bab 13

10. Bab 13 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraiian (3)(a) —

(a) dalam perenggan kecil (i), dengan memotong “Pengiran Muda Mahkota” dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota”;

(b) dalam perenggan kecil (ii), dengan memotong “Pengiran Muda” dan menggantikannya dengan “Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda”.

Pindaan bab 14

11. Bab 14 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memotong “yang dinyatakan” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “dalam borang yang dinyatakan sebagai Borang III”.

Pindaan bab 17

12. Bab 17 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (2) —

(i) dengan memasukkan “Tertakluk kepada ceraiian (3).” sejurus sebelum “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dalam baris pertama;

(ii) dengan memasukkan “dan dalam apa-apa keadaan kuasa-kuasanya hendaklah tertakluk kepada batasan-batasan yang dinyatakan dalam ceraiian (3) bab 12” sejurus selepas “panduannya” dalam baris akhir;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas ceraiian (2) tiga ceraiian baru yang berikut —

“(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari 7 hari, sama ada atau tidak seorang Timbalan Sultan atau Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, jika dan selagi Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3 berada di Negara Brunei Darussalam, Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraiian (2) bab 3 hendaklah menjalankan tugas-tugas Timbalan Sultan itu seolah-olah dilantik menurut bab

ini sehingga masa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kembali ke Negara Brunei Darussalam.

(3A) Jika Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 juga berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa dalam tempoh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam, sebarang lantikan Jemaah Pemangku Raja atau Timbalan Sultan (mengikut mana yang berkenaan) yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut bab ini, hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa sebaik-baik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 kembali ke Negara Brunei Darussalam, mengikut mana yang lebih awal.

(3B) Sekiranya Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah cerai (2) bab 3 kembali ke Negara Brunei Darussalam lebih awal daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dia hendaklah menjalankan tugas-tugas Timbalan Sultan seolah-olah dilantik menurut bab ini sehingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kembali ke Negara Brunei Darussalam.”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas cerai (5) cerai baru yang berikut —

“(5A) Sekiranya Jemaah Pemangku Raja dilantik di bawah cerai (1), (4) atau (5) untuk menjalankan, melaksanakan dan menyempurnakan tugas-tugas Negara sebagai wakil dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa ketiadaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka kuasa-kuasa Jemaah Pemangku Raja itu hendaklah tertakluk kepada batasan-batasan yang dinyatakan dalam cerai (3) bab 12.”;

(d) dalam cerai (6), dengan memotong “atau jika selepas 3 bulan telah limpas sejak masa permintaan itu diumumkan kepada orang ramai,” dari tiga baris terakhir;

(e) dalam cerai (7), dengan memotong perenggan (b) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(b) supaya peringatan terakhir disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa jika Baginda tidak kembali dalam masa 3 bulan dari tarikh peringatan itu disembahkan kepada Baginda, maka Baginda hendaklah dianggap telah turun takhta; atau”.

Pindaan bab 25

13. Bab 25 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak pandai berbuat salah sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda:” dan menggantikannya dengan yang berikut —

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh diganggu dan tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Baginda dalam masa atau selepas pemerintahan Baginda sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda. Kekebalan ini adalah mutlak dan tidak boleh diketepikan.”;

(b) dalam proviso kepada perenggan (b), dengan memotong noktah dari baris terakhir dan menggantikannya dengan “; dan”;

(c) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“(c) semua hak mutlak, keistimewaan, kekebalan, hak dan kuasa lain dan kuasa kedaulatan yang dimiliki, dijalankan dan dinikmati oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sama ada di bawah Perlembagaan, Pemasyhuran ini atau undang-undang Negara Brunei Darussalam (undang-undang bertulis atau pun selainnya), sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2021 dan Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2021 kekal tidak terjejas dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.”.

Pindaan bab 29

14. Bab 29 dari Pemasyhuran utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memasukkan “Pengganti yang sah yang diisytiharkan di bawah ceraian (2) bab 3 atau Pemangku Raja laki-laki yang kanan dari” sejurus sebelum “Jemaah Pemangku Raja”.

Penggantian Jadual

15. Pemasyhuran utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

“JADUAL

BORANG I

(bab 12(1))

PERISYTIHARAN

KAMI YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI, setelah berpuas hati bahawa kami sama-sama mewakili sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12(1) dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa kami berpuas hati dengan keterangan, termasuk keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang berikut:

1. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
2. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
3. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT];
4. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT]; dan
5. [NAMA], lazimnya tinggal di [ALAMAT],

2 orang daripada mereka lazimnya tinggal di luar Negara Brunei Darussalam,

BAHAWA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN OLEH KERANA KELEMAHAN [*AKAL FIKIRAN / TUBUH BADAN*]* TIDAK BERDAYA PADA MASA INI UNTUK MENJALANKAN TUGAS-TUGAS NEGARA.

Keterangan 5 orang pakar perubatan bebas yang disebut di atas adalah dilampirkan.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN

*Sila *potong* mana yang bersesuaian.

BORANG II

(bab 12(1)(a))

PERISYTIHARAN

KAMI YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI, setelah berpuas hati bahawa kami sama-sama mewakili sekurang-kurangnya dua pertiga daripada orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 12(1) dari Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN BAHAWA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN TIDAK GERING LAGI DAN BOLEH MENJALANKAN SEMULA TUGAS-TUGAS NEGARA.

TARIKH DAN TANDATANGAN-TANDATANGAN

BORANG III

(bab 14)

SUMPAH YANG DIANGKAT DAN DITANDATANGANI OLEH PEMANGKU RAJA

وَاللّٰهِ، وَبِاللّٰهِ، وَتَاللّٰهِ

WALLAHI, WA BILLAHI, WA TAALLAHI

1. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan taat dan menumpahkan kesetiaan yang sesungguhnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* Sultan dan Yang Di-Pertuan, Waris-Waris dan Pengganti-Pengganti Baginda menurut undang-undang.
2. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan menyempurnakan jawatan Pemangku Raja dalam segala perkara, dengan segala kuasa dan kebolehan saya dengan sebenarnya dan dengan taat, dan bahawa saya akan memerintah menurut undang-undang dan akan menimbang, berunding dan memelihara keselamatan, kehormatan dan kemuliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* Sultan dan Yang Di-Pertuan serta kebajikan rakyat Baginda.
3. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan menjaga dan memelihara dengan tiada kendur-kendurnya akan Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh pada hari ini haribulan 20

.....
(Tandatangan)

*Masukkan di sini nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.”.

Pengesahan

Demikianlah kandungannya Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja (Pindaan), 2021.

Ucapan doa

Barang dirahmati ALLAH Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammadin Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Pemasyhuran ini kekal selama-lamanya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada hari ini 26 haribulan Muharram, Tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam 1443 bersamaan dengan hitungan Masihi 4 haribulan September, 2021, iaitu tahun kelima puluh empat BETA di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.